

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT KUBAIKUN MASYARAKAT DAERAH
DAERAH KUALA PILAH
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

DISEDIAKAN OLEH :

NORAZIMAH BINTI KASIM
SARJANA MUDA SAINS
(POLISI AWAM DAN SEKITARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGAJIAN AM
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)

2002

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH
DAERAH KUALA PILAH
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Oleh :

NORAZIMAH BINTI KASIM
Sarjana Muda Sains
(Polisi Awam dan Sekitaran)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada :

Jabatan Pengajian Am
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2002

1100033007

PENGAKUAN

Dengan ini, saya Norazimah Binti Kasim UK 4360, mengaku bahawa laporan untuk Latihan Industri (SOS 4299) ini adalah hasil usaha saya kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan di dalam laporan ini.

Tandatangan,

NORAZIMAH BINTI KASIM

26 SEPTEMBER 2002

Disahkan,



DR. WAN IBRAHIM BIN WAN AHMAD
Penyelia Latihan Industri
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha pengasih lagi penyayang,

Alhamdulillah Segala puji bagi Allah SWT Tuhan Semesta Alam. Selawat dan Salam buat kekasih junjungan besar nabi Muhammad SAW, para sahabat r.a dan pejuang-pejuang agama. Terlaksana sudah segala usaha yang diamanahkan kepada saya untuk menyiapkan laporan Latihan Industri yang serba mencabar ini bagi memenuhi keperluan kursus Latihan Industri (SOS 4299).

Pertama kali, sekalung penghargaan yang tidak terhingga buat Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalani latihan industri di organisasi yang telah dipilih iaitu di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada organisasi penempatan Latihan Industri saya iaitu ke semua kakitangan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Pilah, terutamanya kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah yang juga bertindak sebagai Penyelia Industri iaitu Zaimi bin Abdul Kadir yang banyak membantu saya ketika saya menjalankan latihan industri ini. Segala tunjuk ajar dan perkhidmatan yang diberikan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih khusus buat Penyelia Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) iaitu Dr. Wan Ibrahim bin Wan Ahmad. Kalungan penghargaan teristimewa kepada beliau yang begitu bersungguh-sungguh memberi peransang dan tunjuk ajar dalam membantu saya dari awal penyediaan penempatan latihan, ketika latihan dijalankan sehinggalah saya berjaya menyempurnakan laporan Latihan Industri ini.

Akhirul kalam percikan semangat dan inspirasi berpusat dari kakitangan urusetia Latihan industri iaitu Cik Azlina dan Azmi serta mahasiswa dan mahasiswi Sarjana Muda Sains Polisi Awam dan Sekitaran III yang begitu bersungguh-sungguh membantu, yang begitu memahami dan yang turut menyumbangkan idea-idea yang bernas.

Terima kasih buat semua.

Sekian, Wassalam.

NORAZIMAH BINTI KASIM

SARJANA MUDA SAINS POLISI AWAM DAN SEKITARAN III

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

SENARAI RAJAH	lii
ABSTRAK	iv
BAB 1	LATARBELAKANG ORGANISASI	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Sejarah Penubuhan Jabatan Kebajikan Masyarakat	1
1.3	Objektif Penubuhan Jabatan Kebajikan Masyarakat	3
1.4	Misi Jabatan Kebajikan Masyarakat	3
1.5	Strategi Jabatan Kebajikan Masyarakat	3
1.6	Motto Jabatan Kebajikan Masyarakat	4
1.7	Fungsi Dan Aktiviti Organisasi	5
1.8	Struktur Organisasi Jabatan Kebajikan Masyarakat	
1.8.1	Carta Organisasi Jabatan Kebajikan Masyarakat	12
	Carta Organisasi PKMD, Kuala Pilah	13
1.8.2	Alamat Organisasi	14
1.8.3	Bidang Tugas	
	A. Bahagian Pengurusan	14
	B. Bahagian Perancangan & Sistem Maklumat	15
	C. Bahagian Perundingan & Khidmat Masyarakat	16
	D. Bahagian Pemulihan	17
	E. Bahagian Perlindungan	20
	F. Bahagian Perundangan & Advokasi	23
	G. Bahagian Perkaunselan	24
1.9	Kemahiran Yang Di Pelajari	
1.9.1	Pengendalian Kes Juvana Yang Terlibat Dengan Jenayah	25
1.9.2	Pengendalian Pendaftaran OKU	28
1.9.3	Pengendalian Kes Wanita & Gadis Yang Memerlukan Perlindungan Atas Permohonan Penjaga	30
1.9.4	Pengendalian Kes Kanak-Kanak Yang Memerlukan Jagaan & Perlindungan Mengikut Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991	35
1.10	Rumusan	42
BAB 2	PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN	
2.1	Pengenalan	43
2.2	Pengenalpastian Masalah	43
2.3	Analisis Masalah Dan Perbincangan Keseluruhan Penemuan	

2.3.1	Rumusan Analisis	47
2.3.2	Cadangan Penyelesaian	48
2.3.3	Perlaksanaan Dan Implikasi	53

BAB 3	RUMUSAN DAN PENUTUP	55
--------------	----------------------------	----

BIBLIOGRAFI		57
--------------------	--	----

LAMPIRAN

1. Surat Permohonan Penempatan Latihan Industri
2. Surat Kelulusan Permohonan Penempatan Latihan Industri (HQ)
3. Surat Kelulusan Permohonan Penempatan Latihan Industri (HQ Negeri)
4. Borang LI 01
5. Borang LI 02
6. Borang LI 03
7. Borang JKM 17 PIN/9/00 (Borang Penyiasatan)
8. Borang Laporan Seliaan / Siasatan
9. Borang Maklumat Peribadi Permohonan Perkhidmatan Jabatan Kebajikan Masyarakat
10. Borang Kelulusan Bantuan Kebajikan
11. Borang Pendaftaran Orang Cacat
12. Borang Kad Butir-Butir Orang Kurang Upaya
13. Borang Kad Kenal Diri Orang Kurang Upaya
14. Contoh Kad Kenal Diri Orang Kurang Upaya
15. Contoh Borang Kertas Pertuduhan
16. Contoh Borang Laporan Akhlak
17. Contoh Borang Kertas Rekod Juvana
18. Borang Permohonan Ke Pusat Latihan Perindustrian & Pemulihan Jabatan Kebajikan Masyarakat
19. Borang Pemeriksaan Doktor (Pusat Latihan Perindustrian & Pemulihan Jabatan Kebajikan Masyarakat)
20. Laporan Sosio-Ekonomi Permohonan Bantuan Yayasan Kebajikan Negara
21. Majlis Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Negeri Sembilan Darul Khusus 2002
22. Majlis Perasmian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Bahau, Jempol, Negeri Sembilan

SENARAI RAJAH

<u>RAJAH</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1	Struktur Organisasi Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM)	12
2	Struktur Organisasi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Pilah	13

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

ABSTRAK

Kursus Latihan Industri (SOS 4299) merupakan antara kursus wajib yang perlu diikuti oleh setiap pelajar sebagai memenuhi keperluan kursus Sarjana Muda Sains (Polisi Awam Dan Sekitaran). Kursus Latihan Industri ini diambil oleh setiap pelajar tahun dua selama 12 minggu, dan pada sesi Mei 2002/2003, ia bermula 4 Mac 2002 hingga 24 Mei 2002. Organisasi yang ditempatkan untuk seseorang pelajar adalah berdasarkan kepada pilihan pelajar itu sendiri dengan persetujuan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Pelatih telah ditempatkan di sebuah organisasi yang mana segala aktiviti yang dilakukan lebih menjurus kepada aspek kemasyarakatan, iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) dan pelatih telah ditempatkan di Pejabat Kebajikan Masyarakat, Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Latihan Industri ini bertujuan untuk memberikan pengalaman langsung dan kemahiran asas profesional pekerjaan yang berkaitan kepada para pelajar. Objektif khusus latihan ini ialah agar pelajar dapat mempraktikan dan dapat mengaplikasi teori-teori yang dipelajari dalam bilik kuliah dengan realiti alam pekerjaan yang akan ditempuhi kelak. Misalnya,

pelatih yang telah ditempatkan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, berbekalkan dengan teori-teori yang dipelajari semasa pengkuliahan, pelatih berjaya mendapatkan sedikit pengalaman dalam bidang kerja sosial yang mampu untuk mencapai hasrat Jabatan dalam melahirkan seseorang individu yang sejahtera dan bersatu padu melalui perkongsian tanggungjawab strategik dan penyampaian perkhidmatan sosial yang cekap dan berkesan.

Sekiranya ditinjau dari segi permasalahan yang wujud, sebagaimana organisasi-organisasi lain, Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak dapat lari daripada belenggu masalah yang dihadapi. Masalah ada di mana-mana sahaja. Individu, kelompok, masyarakat mahupun organisasi akan berhadapan dengan masalah yang menuntut kepada penyelesaian. Tanpa masalah sesebuah organisasi mungkin tidak dapat mematangkan tahap kemampuan organisasi mereka kerana setiap organisasi mempunyai motif untuk dicapai dan dipenuhi, maka timbullah apa yang dikatakan masalah.

Secara keseluruhannya, Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah sebuah agensi yang berorientasikan masyarakat dan kesejahteraan masyarakat adalah penting bagi meningkatkan kualiti hidup. Oleh yang

demikian, ketepatan pendekatan dan segala arah yang jelas perlu diutarakan bagi meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat serta kestabilan masyarakat menuju ke arah pewujudan keadilan sosial pada masa yang akan datang.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH